

2.1 Umat Islam Sebaik-baik Umat (manusia)

Firman Allah swt:

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. sekiranya ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik. [110] Mereka sekali-kali tidak akan dapat membuat mudharat kepada kamu, selain dari gangguan-gangguan celaan saja, dan jika mereka berperang dengan kamu, Pastilah mereka berbalik melarikan diri ke belakang (kalah). Kemudian mereka tidak mendapat pertolongan. [111]

(Surah al Imran : 110 – 111)

2.1.1 Perbendaharaan kata terpilih

(خير أمة) : umat yang terbaik

(أخرجت) : dizahirkan dan ditonjolkan

(المنكر) : setiap perkara yang putuskan oleh akal yang waras ianya sebagai perkara buruk

(أذى) : kemudharatan/kesusahan yang sedikit

(يولوكم الأدبار) : mereka lari dalam keadaan kalah

2.1.2 Huraian kedua-dua ayat ini secara umum

Allah swt memberitahu tentang umat Islam bahawa ia adalah sebaik-baik umat yang dibangkitkan untuk memberi petunjuk kepada manusia kerana mereka menyuruh kepada perkara ma'ruf, dan mencegah dari perkara munkar. Mereka beriman dengan Allah swt. Sekiranya orang Yahudi dan kristian beriman dengan Allah swt dan RasulNya saw, nescaya pastilah itu lebih baik bagi mereka, namun ada di antara mereka yang beriman seperti Abdullah bin Salam, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik dan melampau dalam kekufuran. Kemudian Allah swt memberi berita gembira kepada orang mukmin bahawa golongan fasik dari kalangan ahli kitab itu tidak akan dapat memberi kemudharatan kepada mereka kecuali kemudharata yang sedikit sahaj seperti cacian dan menyakiti dengan lidah, dan jika mereka berperang dengan orang Islam, Pastilah mereka kalah dan melarikan diri. Kemudian mereka tidak mendapat pertolongan untuk mengalahkan orang Islam.

الأمة الإسلامية خير الأمة

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾ لَنْ يَضُرُّوكُمْ إِلَّا أَذًى ط وَإِنْ يُقَاتِلُوكُمْ يُؤَلُّوكُمُ الْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١١١﴾﴾

(سورة ال عمران ٣ : ١١٠ - ١١١)

معاني الكلمات المختارة

- خير أمة : أفضل الأمة
- أخرجت : أظهرت وأبرزت
- المنكر : كل ما تحكم العقول الصحيحة بقبحه
- أذى : ضررا يسيرا
- يولوكم الأدبار : يفرون منهزمين

شرح الآيتين إجمالاً

إن الله تعالى يخبر عن الأمة الإسلامية بأنها خير الأمم التي بعثها لهداية الناس لأنهم يأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر ويؤمنون بالله. ولو آمن اليهود والنصارى بالله وبرسوله ﷺ، لكان ذلك خيرا لهم. ولكن منهم المؤمنون كعبد الله بن سلام وأكثرهم الفاسقون المتمردون في الكفر. ثم بشر الله تعالى المؤمنين بأن هؤلاء الفاسقين من أهل الكتاب لن يضرهم إلا ضررا يسيرا كالشتم والأذى باللسان. وإن يقاتلوهم ينهزموا مدبرين متقهريين ثم لا ينصرون عليهم.

Ciri-ciri umat Islam

1. Allah swt memberi petunjuk kepada mereka (orang Islam) dan Dia memberikan kurniaan dan kelebihan kepada Islam sebagai agama sebenar. Firman Allah swt:
"Pada hari Ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redhai Islam itu menjadi agama bagimu". (Surah al Maidah 5 : 3)
2. Allah swt menjadikan mereka pengikut kepada sebaik-baik makhluk iaitu nabi Muhammad saw penyudah para nabi dan rasul.
3. Allah swt mengkhususkan umat ini dengan menjadikan saf-saf mereka dalam solat seperti saf-saf malaikat.
4. Allah swt mengkhususkan orang Islam dengan al Quran yang diturunkan Allah swt untuk menjelaskan setiap sesuatu
5. Umat Islam adalah umat yang terpelihara daripada kebinasaan dan musnah keseluruhannya, tidak dibinasakan dan Allah swt tidak akan menjadikan musuh menguasai mereka
6. Allah swt mengkhususkan umat ini di akhirat kelak, mendapat kelebihan kerana mereka menjadi saksi kepada manusia lain pada hari kiamat. Mereka adalah yang terakhir hidup di dunia tetapi yang orang pertama yang melintasi titian, orang pertama yang masuk ke syurga dan merekalah orang yang paling banyak sebagai penghuni syurga.

Pengajaran yang dapat diambil daripada kedua-dua ayat ini

1. Ketetapan umat Islam itu sebaik-baik umat
2. Allah swt janjikan (kebaikan) untuk umat Islam
3. Menyuruh dengan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah ciri-ciri umat ini
4. Kebenaran al Quran dalam perkhabarannya tentang Yahudi yang akan terus dalam kehinaan dan kelemahan

خصائص الأمة الإسلامية

1. أن هداهم الله وله المنة والفضل للإسلام الدين الحق. قال الله تعالى :
أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا
2. إن الله جعلهم أتباعاً لخير خلقه, مُحَمَّد ﷺ خاتم الأنبياء والمرسلين
3. اختص الله هذه الأمة بأن جعلت صفوفها في الصلاة كصفوف الملائكة
4. إن الله اختص أهل الإسلام بالقران العظيم, الذي أنزله الله تبياناً لكل شيء
5. إنها الأمة المحفوظة من الهلاك الاستتصال. لا تهلك بسنة عامة و لا يسلب الله عليها عدوا من غيرها.
6. اختص الله به هذه الأمة في الآخرة. فضلا عن أنهم شهداء على الناس يوم القيامة. فهم الآخرون السابقون والغرّ المحجلون. وأول من يجوز الصراط وأول من يدخل الجنة وهم أكثر أهل الجنة.

ما يؤخذ من الايتين

1. إثبات خيرية أمة الإسلام
2. وعد الله سبحانه وتعالى لأمة الإسلام
3. الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر خصوصية لهذه الأمة
4. صدق القران في إخباره عن اليهود بلزوم الذلة والمسكنة

Pelajaran 2

MENTAATI ALLAH SWT, RASULNYA DAN PEMERINTAH

Firman Allah swt:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan pemimpin di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.

(An-Nisa' 4:59)

Maksud perkataan yang dipilih

(وأولى الأمر منكم)	Mereka adalah para pemimpin dan ulama Islam
(تنزعتهم)	Kamu berbeza pendapat
(فردوه إلى الله والرسول)	Kamu kembalikanlahnya kepada Kitab Allah dan Sunnah
	Rasulullah saw
(وأحسن تأويلاً)	sebaik-baik: dan kesudahannya.

Huraian ayat secara umum

Allah menyeru orang yang beriman agar mentaati-Nya dalam segala perkara yang diperintahkan atau dilarang., begitu juga perintah agar mentaati Rasul-Nya. Namun ketaatan kepada perintah di kalangan pemimpin, ketua, ulamak dan lain-lain yang mempunyai hak ketaatan. Ianya dikaitkan dengan ketaatan yang terikat dan bersyarat dengan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, Oleh itu tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam kemaksiatan kepada Pencipta. Sekiranya anda percaya pada Allah swt dan kedatangan hari akhirat, maka kembalikanlah apa yang kamu berbeza pendapat kepada hukum/ketetapan Allah swt dan hukum Rasul-Nya. Dan qiasikanlah perkara-perkara yang seumpama dengannya dan terimalah perkara tersebut sebagai hukum (penyelesaian). Itulah yang lebih baik untuk kamu dan lebih sempurna daripada berterusan dalam pertelingkahan dan ianya tafsiran yang lebih baik daripada tafsiran kamu.

طاعة الله ورسوله وأولى الأمر

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

سورة النساء ٤ : ٥٩

معاني الكلمات المختارة

وأولى الأمر منكم : هم الأمراء والعلماء من المسلمين

تنزعتهم : اختلفتم

فردوه إلى الله والرسول : فارجموه إلى كتاب الله وسنة رسول الله ﷺ

وأحسن تأويلاً : أحسن مالا وعاقبة

شرح الآية إجمالاً

يدعو الله المؤمنين إلى طاعته في كل ما أمر به أو نهي عنه، وكذلك الأمر في طاعة رسوله ﷺ. إنما الطاعة لأولى الأمر من الولاة والرؤساء والعلماء وغيرهم ممن له حق الطاعة. هي طاعة مرتبطة ومشروطة بطاعة الله ورسوله، إذ لا طاعة لمخلوق في معصية الخالق. إن كنتم تصدقون بالله ومجيء اليوم الآخر، فردوا ما تتنازعون فيه إلى حكم الله تعالى وحكم رسوله ﷺ. وقيسوا الأمور بأشباهها وارضوا بذلك حكماً. ذلك خير لكم وأصلح من التمادي في الخصومة وأحسن تأويلاً من تأويلكم.

SEBAB TURUNNYA AYAT INI

Imam Bukhari meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a : *“taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan pemimpin di antara kamu”*

Beliau berkata: Ayat ini diturunkan berkaitan dengan Abdullah bin Huzafah bin Qais bin'Adi, ketika Nabi mengutusnyanya dalam satu pasukan tentera. Abdullah Bin Huzafah keluar menemui tenteranya, dan memarahi mereka. Lalu dia menyalakan api, dan berkata, "seranglah musuh." Ada sebahagian tentera yang enggan (mematuhi arahan) dan sebahagian lain melakukannya (arahan tersebut).

Kewajipan mentaati Allah swt, Rasul-Nya dan pemimpin

1. Taat kepada Allah SWT kerana hak sebagai tuhan pencipta

2 - ketaatan kepada Rasulullah saw kerana ketaatan kepadanya adalah ketaatan kepada Allah SWT berdasarkan firmaan Allah swt: “Barangsiapa yang mentaati Rasul itu, Sesungguhnya ia Telah mentaati Allah. dan barangsiapa yang berpaling (dari ketaatan itu), Maka kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka”. (An Nisa’: 80)

3. Ketaatan kepada pemerintah iaitu pemimpin.. Perkara ini bukannya mutlak. Sebaliknya, Allah dan Rasul-Nya memerintahkan agar mentaati mereka dan mereka ini adalah pemerintah yang sah iaitu: ketua negara, imam shalat, ketua dalam medan jihad, orang yang menguruskan zakat, ulama, ibu bapa dan suami. Oleh itu, semua pemimpin itu perlu ditaati mengikut kuasa yang diberikan kepadanya mengikut ketaatan kepada Allah dan ketaatan kepada Rasul.

روى البخاري عن ابن عباس ﴿أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾

قال : نزلت في عبد الله بن حذافة بن قيس بن عدي إذ بعثه النبي ﷺ في سرية . فإن عبد الله بن حذافة خرج على جيش، فغضب. فأوقد نارا، وقال : اقتحموا. فامتنع بعض، وهم بعض أن يفعل .

وجوب طاعة الله ورسوله وأولي الأمر

١ . طاعة الله سبحانه وتعالى بحق الألوهية

٢ . طاعة الرسول ﷺ لأن طاعته طاعة الله سبحانه وتعالى بنص قوله تعالى:

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّى فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا

سورة النساء ٤ : ٨٠

٣ . طاعة أولي الأمر: أي أصحاب الأمر. وهذا الأمر ليس مطلقا. وإنما أمر الله ورسوله

طاعتهم وهم أصحاب الولايات الشرعية : الإمامة العظمى وإمامة الصلاة وإمام

الجهاد وإمارة الصدقات والعلماء والوالدين والزوج. وهكذا فيطاع كل وال من خلال

ولايته التي يؤديها حسب طاعة الله تعالى وطاعة الرسول ﷺ.

Pengajaran dari ayat ini

1. Kita perlu taat kepada Allah pada apa yang diperintahkan oleh Al-Quran dan kita perlu taat kepada Nabi pada apa yang sah dari Sunnah baginda sama ada berbentuk perkataan, perbuatan dan perakuan baginda saw
2. Kita mesti faham bahawa ketaatan kepada Rasulullah adalah sama seperti ketaatan kepada Allah swt dan ketaatan kepada Allah itu adalah sama juga dengan ketaatan kepada Rasulullah saw.
3. Ayat ini menunjukkan bahawa mentaati pemerintah di kalangan kamu adalah pada perkara yang menepati ketaatan kepada Allah swt dan ketaatan kepada Rasul-Nya. Maka tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah swt.

ما يؤخذ من الآية

١. ينبغي أن نطيع الله فيما أمر به القرآن الكريم وينبغي أن نطيع الرسول فيما صح عنه من سنته القولية والفعلية والتقريرية

٢. يجب علينا أن نفهم أن طاعة رسول الله عين طاعة الله وطاعة الله عين طاعة رسول الله

٣. قد دلت الآية على أن طاعة أولي الأمر منكم ما وافق طاعة الله وطاعة رسوله فلا طاعة لمخلوق في معصية الله.

SIFAT ORANG BERIMAN YANG SEBENAR

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah”. [2]

“Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka”. [3]

“Mereka adalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga)”. [4]

(Surah Al-Anfal 8: 2-4)

Perbendaharaan kata terpilih

- (إنما المؤمنون) Orang yang sempurna iman mereka
- (وجلّت) takut / gementar
- (زادتم إيماناً) iman mereka meningkat
- (ومما رزقناهم) kami berikan kepada mereka
- (لهم درجات) kedudukan yang tinggi
- (ورزق كريم) pemberian / tawaran hebat

Huraian ayat secara umum

- Allah swt menggambarkan dalam ayat tersebut orang mukmin yang sebenar.
- Orang mukmin yang sebenar adalah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka, lalu mereka akan meninggalkan maksiat.
- Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Allah swt, iaitu, Al-Qur'an menjadikan mereka bertambah iman dan kepercayaan terhadap tuhan mereka.
- Mereka bergantung dan berserah pada Tuhan mereka yang menciptakan mereka dengan kuasa-Nya.
- Mereka menunaikan solat, dan memberikan harta mereka untuk golongan miskin dan yang memerlukan.
- Untuk mereka kedudukan yang tinggi di sisi tuhan mereka dan keampunan bagi dosa-dosa mereka serta limpah kurnia yang mulia di Syurga.

صفات المؤمن الحقيقي

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا

وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا ۚ لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

سورة الأنفال ٨ : ٢-٤

معاني الكلمات المختارة

- | | |
|-----------------|--------------------------|
| • إنما المؤمنون | : أي الكاملون في إيمانهم |
| • وجلت | : خافت |
| • زادتم إيماناً | : كثر إيمانهم |
| • ومما رزقناهم | : أي أعطيناهم |
| • لهم درجات | : أي منازل عالية |
| • ورزق كريم | : أي عطاء عظيم |

شرح الايات إجمالاً

- وصف الله تعالى في تلك الايات الكريمة المؤمنين الصادقين.
- إنما المؤمنون الصادقون هم الذين إذا ذكر الله تعالى خافت قلوبهم فتركوا المعاصي.
- وإذا تليت عليهم آيات الله أي القرآن زادتم إيماناً وتصديقاً برهيم. وهم يعتمدون ويتوكلون على ربهم الذي خلقهم بقدرته. وإنهم يؤدون الصلاة، ويبدلون أموالهم للفقراء والمحتاجين. لهم درجات عالية عند ربهم ومغفرة لذنوبهم ورزق كريم في الجنة.

Pelajaran 3:

Ciri-ciri orang beriman yang sebenar

Orang-orang beriman mempunyai sifat-sifat yang membezakan mereka dari orang lain dan dengan sifat-sifat ini mereka akan mencapai kemenangan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Ciri-ciri ini telah disebut dalam al-Quran dan Sunnah. Allah swt berfirman dalam Surat Al-Mu'minun:

“Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman”.

(Surat Al-Mu'minun: 1)

1. Khusyuk dalam solat
2. menjaga lidah daripada perkara yang Allah swt larang dan perkara yang tidak sepatutnya
3. Mengeluarkan Zakat
4. Memelihara kemaluan daripada perkara yang dilarang oleh Allah seperti zina atau liwat
5. Menjaga amanah, meninggalkan sifat khianat, dan memenuhi janji
6. Menjaga solat
7. Mereka ini apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka, dengan sifat keimanan yang indah ini nescaya kita akan berjaya dan bahagia di dunia dan akhirat.

Pengajaran dari ayat-ayat ini

1. Takut kepada Tuhan kerana kuatnya iman mereka
2. Bertambah iman ketika membaca Al-Quran
3. Bertawakkal hanya kepada Allah swt sahaja yang tidak ada sekutu baginya.

Adakah anda tahu?

Orang mukmin yang kuat imannya, badannya dan amalannya itu lebih baik daripada orang mukmin yang lemah. Dalam hadith:

Dari Abu Hurairah r.a berkata, Rasûlullâh saw bersabda, Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allâh swt daripada Mukmin yang lemah;

(Hadis riwayat Muslim)

7 SMU(A) Mehelih, Tumpat, Kelantan

خصائص المؤمن الحقيقي

للمؤمنين صفات يتميزون بها عن غيرهم، ويتحقق لهم بها الفوز والفلاح في الدنيا والآخرة. وقد ورد ذكر هذه السمات في القرآن والسنة. يقول الله تعالى في سورة المؤمنون:

﴿ قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴾ (سورة المؤمنون ٢٣ : ١)

١. الخشوع في الصلاة

٢. كف اللسان عما حرم الله عنه وما لا ينبغي له

٣. إيتاء الزكاة

٤. حفظ الفرج عما حرم الله من الزنا أو اللواط

٥. حفظ الأمانة، وترك الخيانة، والوفاء بالعهد

٦. المحافظة على الصلاة

٧. أنهم إذا ذكروا الله وجلت قلوبهم بهذه الصفات الإيمانية الرائعة لنفوز ونفلاح في الدنيا والآخرة.

ما يؤخذ من الايات

١. الخوف من الله لقوة إيمانهم

٢. زيادة الإيمان عند تلاوة القرآن

٣. التوكل على الله وحده لا شريك له

هل تعلم ؟

إن المؤمن القوي في إيمانه وبدنه وعمله خير من المؤمن الضعيف، ففي الحديث:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: **الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ.** (رواه مسلم)

مبادئ الأخلاق الإسلامية

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ سورة النحل ١٦ : ٩٠

١. معاني الكلمات المختارة

بالعدل : الإنصاف في الأمر وتجنب الظلم والجور وإعطاء كل ذي حق حقه

والإحسان : إتقان العمل أو نفع الخلق

وإيتائي : مصدر آتى بمعنى إعطاء

ذی القربى : القرابة مصدر قرب

الفحشاء : الذنوب المفرطة في القبح

والبغى : التناول والتجبر على الناس

يعظكم : أي يأمركم وينهاكم

Firman Allah swt:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya. (Surah

Al-Nahl : 90)

1. Perbendaharaan kata terpilih

[بالعدل] berlaku adil dalam sebarang perkara dan mengelakkan kezaliman dan penaniayaan serta memberikan hak bagi setiap yang berhak

[والإحسان] tekun dalam kerja atau memberi manfaat kepada makhluk

[وإيتائي] kata terbitan bagi perkataan [آتى] ertinya: memberi

[ذی القربى] Kaum keluarga, kata terbitan bagi perkataan [قرب]

[الفحشاء] dosa terlalu buruk

[والبغى] rasa angkuh diri dan memaksa orang lain

[يعظكم] menyuruh dan melarang kamu

٢. شرح الآية إجمالاً

أمر الله تعالى عباده المؤمنين بكارم الأخلاق وينهى عن مذامها. فكان مما أمرهم به العدل في كل الأمور هو الإنصاف. والإحسان إلى النفس في العمل أي الإتيان به على الوجه المطلوب. والإحسان إلى الناس بالزيادة والدعاء، وهو التفضل. ثم يأمر بصلة ذوي الأرحام بإعطائهم ما يحتاجون إليه. وينهاهم الله عن كل قبيح من العمل والقول وعن جميع ما أنكره الشرع بالنهي عنه من المعاصي والكبرياء والظلم. فينبههم به، لكي يتعظوا ويتسلخوا سبيلها ويعملوا بما جاء بها.

٣. محاور الآية

الأمر بالعدل والإحسان

إن الله تعالى يخبرنا بأنه يأمر عباده بالعدل في كل الأحوال، ويسن إلى الإحسان. إن هذه القرآن يبين لنا كل شيء في أمور حياتنا من الهداية والرحمة والبشرى للمسلمين. وكل ذلك يتضمن الأمر والنهي. إذ الشريعة كلها أمر ونهي، والتقوى منحصره في الامتثال للأوامر والاجتناب النواهي، فهي جامعة أصول التشريع إلى غير ذلك من الآيات الدالة على هذا من شرعية العدل والندب إلى الفضل.

فضل إعطاء الصدقات لذوي القربى

الصدقة في الأقارب فيها أجران : أجر الصلة وأجر الصدقة. إذا كانوا فقراء , فهم أولى من غيرهم. والصدقة فيهم مضاعفة. فهي صلة رحم وصدقة. إذا أهديت إليهم، هذا من صلة الرحيم، ومن أسباب المحبة والمودة.

2. Huraian ayat secara umum

Allah swt memerintahkan hambanya yang beriman agar berakhlak mulia dan melarang mereka dari akhlak tercela. Antara perkara yang diperintahkan berlaku adil dalam segala perkara adalah melayan dengan adil/berlaku benar. Berlaku ihsan kepada diri sendiri dalam sesuatu kerja iaitu melakukannya mengikut cara yang sepatutnya. Berlaku ihsan kepada orang ramai dengan lebih baik dan doa, itu adalah yang lebih baik. Kemudian Allah swt memerintahkan agar menyambung hubungan kekeluargaan dengan cara memberikan mereka barang keperluan. Allah swt melarang mereka dari setiap perbuatan dan kata-kata yang buruk, juga dari semua perkara yang dilarang oleh Syarak seperti perkara dosa, sifat sombong dan zalim. Allah mengingatkan mereka perkara tersebut supaya mereka mengambil pengajaran dan mengikut jalannya serta melakukan apa yang di datangkan oleh syarak..

3. Perbincangan ayat

Perintah berlaku adil dan ihsan (berbuat baik)

Sesungguhnya Allah swt memberitahu kita bahawa Dia memerintahkan hamba-hambanya berlaku adil dalam semua perkara dan digalakkan berbuat baik. Al-Quran menjelaskan kepada kita setiap perkara dalam kehidupan kita ini seperti petunjuk, rahmat dan berita gembira untuk umat Islam. Semua ini mengandungi suruhan dan larangan, kerana syariat itu semua adalah suruhan dan tegahan. ketakwaan itu tersimpul pada menjunjung perintah dan menjauhi larangan. Ianya merangkumi asas-asas perundangan Islam sehinggalah ayat-ayat lain yang menunjukkan pensyariatan keadilan dan galakan berbuat baik.

Kelebihan memberi sedekah kepada saudara-mara

Bersedekah kepada saudara-mara mendapat dua pahala: pahala hubungan keluarga dan pahala sedekah. Jika mereka miskin, mereka lebih diutamakan berbanding orang yang lain. Sedekah kepada mereka digandakan pahala iaitu hubungan keluarga dan sedekah. Apabila anda berikan kepada mereka, ini adalah penghubung kekeluargaan dan penyebab cinta dan kasih sayang.

anak mereka. Memberikan sedekah kepada ahli keluarga adalah tanda belas kasih terhadap kaum kerabat.

Tegahan daripada melakukan kejahatan, kemungkaran dan perkara keji

1) Kejahatan

Setiap perkataan atau perbuatan yang sangat buruk dan sesetengah ulamak mengkhususkannya dengan zina

2) Kemungkaran

Setiap perkara yang diingkari oleh Syarak dengan larangan melakukannya , ianya merangkumi semua maksiat, perkara keji dan hina yang bermacam-macam jenisnya.

3) Perkara keji

Melampaui batas dalam setiap perkara. Ungkapan [بغى فلان على غيره] iaitu apabila seseorang itu menzalaminya dan melampaui batas.

Pengajaran daripada ayat ini

- Menjelaskan terhimpun ayat tentang kebaikan dan kejahatan dalam Al-Qur'an
- Larangan melakukan kezaliman, ianya adalah paling nyata dalam semua bentuk dan ciri-cirinya
- Kewajipan berlaku adil, berbuat baik dan memberikan kepada kaum keluarga hak-hak yang wajib bagi mereka seperti berbuat baik dan menghubungkan ikatan kekeluargaan.

أولو القربى هم ذو الأرحام مثل : الأم والأب والجد والجددة والإخوة والأخوات والأعمام والعمات والأخوال والخالات وما يتفرع عنهم. إعطاء ذوى القربى فيه دليل على الشفقة على الأهل من القرابة.

النهي عن الفحشاء والمنكر والبغى

(١) الفحشاء

كل ما اشتد قبحه من قول أو فعل، وخصها بعضهم بالزنا

(٢) المنكر

كل ما أنكر الشرع بالنهي عنه، فيعم جميع المعاصي والردائل والدناءات على اختلاف أنواعها

(٣) البغى

هو تجاوز الحد في كل شيء. يقال : بغى فلان على غيره أي إذا ظلمه وتناول عليه

(٤) ما يؤخذ من الآية

١. بيان أجمع آية للخير والشر في القرآن

٢. تحريم البغى وهو أظ بجميع صوره وأشكاله

٣. وجوب العدل والإحسان وإعطاء ذوى القربى حقوقهم الواجبة من البر والصلة

Keluarga terdekat adalah kaum kerabat, seperti: ibu, bapa, datuk, nenek, saudara lelaki, saudara perempuan, bapa saudara sebelah bapa, ibu saudara sebelah bapa, bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah ibu dan anak-

مبادئ الأخلاق الإسلامية

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ سورة النحل ١٦ : ٩٠

١. معاني الكلمات المختارة

بالعدل : الإنصاف في الأمر وتجنب الظلم والجور وإعطاء كل ذي حق حقه

والإحسان : إتقان العمل أو نفع الخلق

وإيتائي : مصدر آتى بمعنى إعطاء

ذی القربى : القرابة مصدر قُرب

الفحشاء : الذنوب المفرطة في القبح

والبغى : التناول والتجبر على الناس

يعظكم : أي يأمركم وينهاكم

٢. شرح الآية إجمالاً

أمر الله تعالى عباده المؤمنين بكارم الأخلاق وينهى عن مذامها. فكان مما أمرهم به العدل في كل الأمور هو الإنصاف. والإحسان إلى النفس في العمل أي الإتيان به على الوجه المطلوب. والإحسان إلى الناس بالزيادة والدعاء، وهو التفضل. ثم يأمر بصلة ذوي الأرحام بإعطائهم ما يحتاجون إليه. وينهاهم الله عن كل قبيح من العمل والقول وعن جميع ما أنكره الشرع بالنهي عنه من المعاصي والكبرياء والظلم. فينبههم به، لكي يتعضوا ويتسلخوا سبيلها ويعملوا بما جاء بها.

Pelajaran 4

Asas Akhlak Islam

Firman Allah swt:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya. (Surah

Al-Nahl : 90)

1. Perbendaharaan kata terpilih

[بالعدل] berlaku adil dalam sebarang perkara dan mengelakkan kezaliman dan penaniayaan serta memberikan hak bagi setiap yang berhak

[والإحسان] tekun dalam kerja atau memberi manfaat kepada makhluk

[وإيتائي] kata terbitan bagi perkataan [آتى] ertinya: memberi

[ذی القربى] Kaum keluarga, kata terbitan bagi perkataan [قُرب]

[الفحشاء] dosa terlalu buruk

[والبغى] rasa angkuh diri dan memaksa orang lain

[يعظكم] menyuruh dan melarang kamu

2. Huraian ayat secara umum

Allah swt memerintahkan hambanya yang beriman agar berakhlak mulia dan melarang mereka dari akhlak tercela. Antara perkara yang diperintahkan berlaku adil dalam segala perkara adalah melayan dengan adil/berlaku benar. Berlaku ihsan kepada diri sendiri dalam sesuatu kerja iaitu melakukannya mengikut cara yang sepatutnya. Berlaku ihsan kepada orang ramai dengan lebih baik dan doa, itu adalah yang lebih baik. Kemudian Allah swt memerintahkan agar menyambung hubungan kekeluargaan dengan cara memberikan mereka barang keperluan. Allah swt melarang mereka dari setiap perbuatan dan kata-kata yang buruk, juga dari semua perkara yang dilarang oleh Syarak seperti perkara dosa, sifat sombong dan zalim. Allah mengingatkan mereka perkara tersebut supaya mereka mengambil pengajaran dan mengikuti jalannya serta melakukan apa yang di datangkan oleh syarak..

3. Perbahasan ayat

Perintah berlaku adil dan ihsan (berbuat baik)

Sesungguhnya Allah swt memberitahu kita bahawa Dia memerintahkan hamba-hambanya berlaku adil dalam semua perkara dan digalakkan berbuat baik. Al-Quran menjelaskan kepada kita setiap perkara dalam kehidupan kita ini seperti petunjuk, rahmat dan berita gembira untuk umat Islam. Semua ini mengandungi suruhan dan larangan, kerana syariat itu semua adalah suruhan dan tegahan. ketakwaan itu tersimpul pada menjunjung perintah dan menjauhi larangan. Ianya merangkumi asas-asas perundangan Islam sehinggalah ayat-ayat lain yang menunjukkan pensyarian keadilan dan galakan berbuat baik.

Kelebihan memberi sedekah kepada saudara-mara

Bersedekah kepada saudara-mara mendapat dua pahala: pahala hubungan keluarga dan pahala sedekah. Jika mereka miskin, mereka lebih diutamakan berbanding orang yang lain. Sedekah kepada mereka digandakan pahala iaitu hubungan keluarga dan sedekah. Apabila anda berikan kepada mereka, ini adalah penghubung kekeluargaan dan penyebab cinta dan kasih sayang.

Keluarga terdekat adalah kaum kerabat, seperti: ibu, bapa, datuk, nenek, saudara lelaki, saudara perempuan, bapa saudara sebelah bapa, ibu saudara sebelah bapa, bapa saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah ibu dan anak-anak mereka. Memberikan sedekah kepada ahli keluarga adalah tanda belas kasih terhadap kaum kerabat.

٣. محاور الآية

الأمر بالعدل والإحسان

إن الله تعالى يخبرنا بأنه يأمر عباده بالعدل في كل الأحوال، ويسن إلى الإحسان. إن هذه القرآن يبين لنا كل شيء في أمور حياتنا من الهداية والرحمة والبشرى للمسلمين. وكل ذلك يتضمن الأمر والنهي. إذ الشريعة كلها أمر ونهي، والتقوى منحصرة في الامتثال للأوامر والاجتناب للنواهي، فهي جامعة أصول التشريع إلى غير ذلك من الآيات الدالة على هذا من شرعية العدل والندب إلى الفضل.

فضل إعطاء الصدقات لذوي القربى

الصدقة في الأقارب فيها أجران : أجر الصلة وأجر الصدقة. إذا كانوا فقراء , فهم أولى من غيرهم. والصدقة فيهم مضاعفة. فهي صلة رحم وصدقة. إذا أهديت إليهم، هذا من صلة الرحيم، ومن أسباب المحبة والمودة.

أولو القربى هم ذو الأرحام مثل : الأم والأب والجد والجدة والإخوة والأخوات والأعمام والعمات والأخوال والخالات وما يتفرع عنهم. إعطاء ذوى القربى فيه دليل على الشفقة على الأهل من القرابة.

Tegahan daripada melakukan kejahatan, kemungkaran dan perkara keji

1) Kejahatan

Setiap perkataan atau perbuatan yang sangat buruk dan sesetengah ulamak mengkhususkannya dengan zina

2) Kemungkaran

Setiap perkara yang diingkari oleh Syarak dengan larangan melakukannya , ianya merangkumi semua maksiat, perkara keji dan hina yang bermacam-macam jenisnya.

3) Perkara keji

Melampaui batas dalam setiap perkara. Ungkapan [بغى فلان على غيره] iaitu apabila seseorang itu menzalaminya dan melampaui batas.

Pengajaran daripada ayat ini

- Menjelaskan terhimpun ayat tentang kebaikan dan kejahatan dalam Al-Qur'an
- Larangan melakukan kezaliman, ianya adalah paling nyata dalam semua bentuk dan ciri-cirinya
- Kewajipan berlaku adil, berbuat baik dan memberikan kepada kaum keluarga hak-hak yang wajib bagi mereka seperti berbuat baik dan menghubungkan ikatan kekeluargaan.

النهي عن الفحشاء والمنكر والبغى

(١) الفحشاء

كل ما اشتد قبحه من قول أو فعل، وخصها بعضهم بالزنا

(٢) المنكر

كل ما أنكر الشرع بالنهي عنه، فيعم جميع المعاصي والرذائل والدنئات على اختلاف أنواعها

(٣) البغى

هو تجاوز الحد في كل شيء. يقال : بغى فلان على غيره أي إذا ظلمه وتناول عليه

(٤) ما يؤخذ من الآية

١. بيان أجمع آية للخير والشر في القرآن
٢. تحريم البغى وهو أظ بجميع صوره وأشكاله
٣. وجوب العدل والإحسان وإعطاء ذوي القربى حقوقهم الواجبة من البر والصلة

Pelajaran 5

BERBUAT BAIK KEPADA IBUBAPA

Firman Allah swt:

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). ﴿23﴾ Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil." ﴿24﴾ Tuhan kamu lebih mengetahui akan apa yang ada pada hati kamu; kalaulah kamu orang-orang yang bertujuan baik mematuhi perintahNya, maka sesungguhnya dia adalah Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat. ﴿25﴾

Perbendaharaan kata terpilih

[وقضى ربك] menyuruh atau menasihati

[وبالوالدين إحسانا] agar kamu berbuat baik kepada ibubapa dengan sebaik-baiknya

[فلا تقل لهما أف] celaka, amat buruk atau amat rugi

[ولا تنهرهما] jangan kamu herdik kedua-duanya

[قولا كريما] kata-kata yang indah dan lembut

[جناح الذل] berlembutlah dan merendah diri kepada kedua-duanya

*** Adakah anda tahu ?

Doa yang diperkenankan Allah swt ialah doa bapa untuk anaknya seperti dinyatakan dalam hadis : Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa nasi saw bersabda: Tiga bentuk doa yang diterima Allah swt tanpa ragu-ragu lagi, iaitu : doa bapa, doa orang bermusafir dan doa orang yang dizalimi. (Hadis riwayat Abu Daud)

بر الوالدين

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفًّا وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمْ ۚ إِن تَكُونُوا صَالِحِينَ فَإِنَّهُ كَانَ لِلْأَوَّابِينَ غَفُورًا ﴿٢٥﴾ ﴾

سورة الإسراء ١٧ : ٢٣-٢٥

(١) معاني الكلمات المختارة

- وقضى ربك : أي أمر وأوصى به
- وبالوالدين إحسانا : أي أن تحسنوا بالوالدين إحسانا
- فلا تقل لهما أف : أي تبا أو قبحانا أو خسرانا
- ولا تنهرهما : أي ولا تزجرهما
- قولا كريما : جميلا لينا
- جناح الذل : أي ألن لهما جانبك وتواضع لهما

*** هل تعلم ؟

دعاء استجاب له الله تعالى هو دعاء الوالد لولده كما جاء في الحديث : عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي ﷺ قال: ثلاث دعوات مستجاب لا شك فيهن: دعوة الوالد ودعوة المسافر ودعوة المظلوم. (رواه أبو داود)

Huraian ayat secara ringkas

Allah swt memerintah mengesakanNya dalam ibadah dan menggalakkan kita berbuat baik kepada ayah dan ibu. Kita perhatikan perintah “beribadat kepada Allah” itu disertakan dengan “berbuat baik kepada ibubapa” Perkara tersebut adalah untuk menguatkan hak kedua-duanya dan Allah memerintahkan agar anaka bercakap kepada ibubapanya yang telah tua atau salah seorang daripada keduanya dengan kata-kata yang lembut. Janganlah mengangkat suara lebih daripada suara keduanya dan merendahkan diri kepada keduanya.

Dengan perkara tersebut jadilah dia sebaik-baik anak yang mendoakan ibubapanya sebagai balasan kasih sayang keduanya terhadap anaknya. Anak itu akan berdoa: Ya Allah, kasihanilah kedua-duanya sebagaimana kedua-duanya menjaga aku ketika kecil. Dia akan memohon daripada Allah swt rahmat untuk kedua-duanya di dalam doa tersebut.

Perbincangan Ayat

Maksud perkataan [أَفٍ]

adalah [اسم فعل مضارع] ertinya kasar, benci dan merasa bosan iaitu ungkapan menggambarkan penghinaan. Huruf **fa** boleh dibariskan dengan tanwin atau tanpa tanwin. [فلا تنقل لهما أف] Mujahid berkata : Ertinya janganlah kamu menghina keduanya sebagaimana keduanya tidak pernah menghina kamu. ‘Ata’ berkata : Janganlah kamu mendabik dada terhadap kedua-duanya dan janganlah mengherdik kedua-duanya iaitu jangan kamu berlaku kasar kedua-duanya.

Hukum Berbuat Baik Kepada Ibubapa

Berbuat Baik Kepada Ibubapa adalah wajib dalam Islam. Allah swt menguatkan perintah ini dengan memuliakan ibubapa sehingga Allah sertakan perintah berbuat baik kepada keduanya dengan beribadat kepadaNya. Imam al Ghazali berkata: Adab anak bersama bapanya ialah mendengar kata-katanya, bangun ketika dia berdiri, mematuhi suruhannya, tidak berjalan di hadapannya, tidak meninggikan suara dan menyahut ajakannya. Begitu juga anak perlu mencari keredhaannya, merendahkan diri kepadanya dengan bersabar, janganlah mengungkit-ungkit kebaikan anda diberikan kepadanya atau melakukan suruhannya, janganlah memandang kepadanya dengan jelingan dan janganlah bermacam muka di hadapannya.

(٢) شرح الآيات إجمالاً

أمر الله سبحانه وتعالى بأن يفرد بالعبادة ويحثنا على الإحسان إلى الأب والأم. ونجد اقتران عبادة الله ببر الوالدين. وذلك لتأكيد حقهما وأمر الله بأن يقول الولد لوالدين الكبارين أو لأحدهما قولاً لنا. فلا يرفع الصوت فوق صوتهما ويخفض جناح الذل منهما. فيكون بذلك نعم الولد الذي يدعو لوالديه جزاء رحمتها به، فيقول رب ارحمهما كما ربياني صغيراً. ويطلب من الله تعالى الرحمة لهما في الدعاء.

(٣) محاور الآيات

مفهوم قوله ﴿أَفٍ﴾

اسم فعل مضارع بمعنى التضجر والكراهية والتبرم تعبيراً عن الازدراء. وتأخذ الفاء كل الحركات منونة وغير منونة (فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفٍ) قال مجاهد : والمعنى لا تستقذرهما كما لم يكونا يستقذرانك. وقال عطاء : لا تنغض يديك عليهما ولا تنهرهما أي لا تغلظ لهما

حكم بر الوالدين

إن بر الوالدين واجب في الإسلام. وقد أكد الله الأمر بإكرام الوالدين حتى قرن الله تعالى الأمر بالإحسان إليهما بعبادته، قال الإمام الغزالي : وآداب الولد مع والده أن يسمع كلامه ويقوم بقيامه ويمتثل أمره ولا يمشي أمامه ولا يرفع صوته ويلبي دعوته. وكذلك يحرص على طلب مرضاته ويخفض له جناحه بالصبر ولا يمين بالبر له ولا بالقيام بأمره ولا ينظر إليه شزراً ولا يقطب وجهه في وجهه.

Cara berbuat baik kepada ayah dan ibu

Apabila anda ingin Berjaya di dunia dan akhirat, lakukan tips (nasihat) berikut :

1. bantulah ibu anda di rumah, janganlah berlengah-lengah membantu kerja ayah anda.
2. Berbincanglah dengan kedua-duanya dalam semua kerja anda dan minta maaf apabila terpaksa berbeza pendapat.
3. Lemah lembut dengan ibubapa anda, janganlah bermasam muka di hadapan mereka, janganlah memandang tajam kepada mereka dengan perasaan marah.
4. Sentiasalah mentaati ibubapa anda pada perkara yang bukan maksiat kerana tidak perlu taati kepada makhluk pada perkara maksiat terhadap Allah swt.
5. Jagalah maruah, kemuliaan dan harta ibubapa anda. Janganlah mengambil sesuatu tanpa keizinan mereka berdua.
6. Bercakaplah dengan ibubapa anda secara beradab, janganlah berkata kepada keduanya perkataan (Ah). Jangan mengherdik keduanya dan bercakaplah pada keduanya dengan kata-kata yang baik.
7. Lakukan perkara yang mengembirakan keduanya walaupun tanpa disuruh seperti memberi layanan, membeli barangan keperluan dan rajin menuntut ilmu.

Pengajaran daripada ayat ini

1. Perkara pertama yang wajib kita ambil berat ialah tidak menyembah kecuali Allah yang maha esa yang tiada sekutu baginya.
2. perkara kedua ialah berbuat baik dan berlaku ihsan kepada ibubapa selagi tidak menyalahi perkara pertama.
3. Untuk kita dapat melaksanakan perkara kedua, kita semua perlu mengelak dari menyakiti ibubapa dan mentaati keduanya dalam perkara kebaikan dan berkata kepada keduanya dengan kata-kata yang baik.
4. Berhati-hatilah dari menderhakai ibubapa kerana ia akan mewarisi kefakiran dan menghilangkan keberkatan dalam kehidupan dan ia adalah antara sebesar-besar dosa besar dan pasti mendapat balasan.
5. Berdoa untuk ibubapa adalah salah satu cara melapangkan rezeki, dan keberkatan dalam kehidupan.

إذا أردت الفوز في الدنيا والآخرة فاعمل بالوصايا الآتية:

- ١ . ساعد أمك في البيت ولا تتأخر عن مساعدة أبيك في عمله
- ٢ . شاورهما في أعمالك كلها واعتذر لهما إذا اضطرت للمخالفة
- ٣ . تطف بوالديك ولا تعبس في وجههما ولا تحقد النظر إليهما غاضبا
- ٤ . أطع والديك دائما في معصية، فلا طاعة لمخلوق في معصية الخالق
- ٥ . حافظ على سمعة والديك وشرفهما وماهما ولا تأخذ شيئا بدون إذنهما
- ٦ . خاطب والديك بأدب ولا تقل لهما أف ولا تنهرهما وقل لهما قولا كريما
- ٧ . اعمل بما يسرهما ولو من غير أمرهما كالخدمة وشراء اللوازم والاجتهاد في طلب العلم

(٣) ما يؤخذ من الآيات

- ١ . إن أول الأمر يجب أن نهتم به , ألا نعبد إلا الله وحده لا شريك له
- ٢ . والأمر الثاني هو البر والإحسان إلى الوالدين ما دام لم يخالف الأمر الأول
- ٣ . علينا جميعا لكي نتحقق الأمر الثاني لا بد أن نمسك الأذى عن الوالدين وطاعتهم في المعروف وأن نقول لهما قولا كريما.
- ٤ . احذر من عقوق الوالدين لأنه يورث الفقر ويفقد البركة في الحياة ومن أكبر الكبائر ويستحق العقاب
- ٥ . الدعاء للوالدين وسيلة من وسائل سعة الرزق والبركة في الحياة